



Ruj. Kami: ANM.NS.600-2/6/1 (1)

Tarikh : **14** Februari 2022

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGESAHAN LAPORAN BULANAN SUSUTNILAI ASET - DISEMBER 2021, AKB
(PERIOD 13) 2021 DAN JANUARI 2022**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, larian susutnilai berpusat bagi bulan **Disember 2021 (Period 12), AKB (Period 13) 2021 dan Januari 2022 (Period 1)** telah selesai dijana oleh pihak Unit Perakaunan Aset & Inventori Persekutuan, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, semakan caj susutnilai bagi aset di bawah PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan perlu dilakukan supaya Laporan Susutnilai Bulanan oleh setiap PTJ adalah tepat.

3. Mohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk memberi maklumbalas dengan melengkapkan **Borang Pengesahan Laporan Susut Nilai** serta melampirkan **Laporan Ringkasan Susutnilai (ZWDAAR040)** dalam **bentuk PDF** secara *softcopy* melalui emel ns_aset@anm.gov.my selewat-lewatnya pada **18 Februari 2022 (Jumaat) jam 5.00 petang**.

4. Bersama-sama ini disertakan lampiran Tatacara Semakan Susutnilai Bulanan, Laporan Susut Nilai (AFBP), Paparan *general ledger* (FAGLL03) dan Borang Pengesahan Laporan Susut Nilai untuk rujukan dan tindakan selanjutnya.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(**MASAYU BINTI MUSTAFA** c.A. (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan